

Pasca Pandemi Covid -19: Adaptasi Kebiasaan Baru

Nurul Nadia Abd Aziz (Ketua Editor)

Normilia Abd Wahid (Editor)

Cetakan Pertama

April 2022

Hak Cipta Karya @ Ketua Editor

Cetakan Pertama April 2022

HAK CIPTA TERPELIHARA

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada:

Nurul Nadia Abd Aziz (Ketua Editor)

Normilia Abd Wahid (Editor)

Reka bentuk/Konsep Kulit/Typografi:

Khairul Akmar Baharudin

kab7785@gmail.com

Diterbitkan dan dicetak oleh:

P&C PEKAN CENTRE

No.2 Tingkat Bawah,

Taman Peramu Makmur,

26600 Pekan,

Pahang Darul Makmur

Sidang Penulis

Adibah Hussin

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang (Kampus Jengka), Pahang, Malaysia
dibah575@uitm.edu.my

Azniza Ahmad Zaini

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang (Kampus Raub), Pahang, Malaysia
nizazaini@uitm.edu.my

Faizan Abd Jabar

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang (Kampus Jengka), Pahang, Malaysia
faizan@uitm.edu.my

Ina Murni Hashim

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang (Kampus Raub), Pahang, Malaysia
murni134@uitm.edu.my

Mohd Aidil Riduan Awang Kader

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang (Kampus Jengka), Pahang, Malaysia
aidilriduan@uitm.edu.my

Mohd Faizal Azrul Azwan Mohamed @ Che Harun

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang (Kampus Jengka), Pahang, Malaysia

faizalazrul@uitm.edu.my

Musramaini Mustapha

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang (Kampus Jengka), Pahang, Malaysia

musra_08@uitm.edu.my

Nor Aziah Abd Kadir

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang (Kampus Raub), Pahang, Malaysia

aziahkadir@uitm.edu.my

Normilia Abd Wahid

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang (Kampus Jengka), Pahang, Malaysia

normilia@uitm.edu.my

Nor Khairunnisa Mat Yunus

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang (Kampus Raub), Pahang, Malaysia

norkhairunnisa@uitm.edu.my

Norulhuda Tajuddin

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang (Kampus Raub), Pahang, Malaysia

ahudatajuddin583@uitm.edu.my

Nurul Nadia Abd Aziz

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang (Kampus Raub), Pahang, Malaysia

nurul_nadia@uitm.edu.my

Shamsul Nizam Mohamed Badri


Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang (Kampus Raub), Pahang, Malaysia

nizambadri@uitm.edu.my

Zaidatul Nadiah Abu Yazid

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang (Kampus Raub), Pahang, Malaysia


zaidea@uitm.edu.my



Isi Kandungan

Sidang Penulis	3
Isi Kandungan	6
Singkatan	8
Prakata	12
Penghargaan	13
Agihan Pendapatan Pasca Covid-19 <i>Adibah Hussin</i>	15 – 28
KWSP: Pandemik Menjejaskan Pelan Persaraan Pekerja <i>Nor Khairunnisa Mat Yunus</i> <i>Shamsul Nizam Mohamed Badri</i>	30 – 43
Menangani Pengangguran Golongan Belia Era Pasca Pandemik Covid-19 <i>Ina Murni Hashim</i> <i>Norulhuda Tajuddin</i>	45 – 67
Psikologi Pekerja dalam Norma Baru: Ada Cahaya di Sebalik Derita <i>Norulhuda Tajuddin</i> <i>Ina Murni Hashim</i>	69 – 85
Pasca Pandemik Covid-19 dan E-Dagang <i>Normilia Abd Wahid</i>	87 – 101
Hijrah Perniagaan: Fleksibiliti Bekerja Sendiri <i>Musramaini Mustapha</i>	103 – 115

Kerjaya Penghantar Makanan Pasca Pandemi Covid-19 <i>Zaidatul Nadiah Abu Yazid</i> <i>Nurul Nadia Abd Aziz</i>	117 – 129
Kesan Pandemi: Usahawan Perlu Bijak Mengatur Strategi <i>Faizan Abd Jabar</i> <i>Mohd Faizal Azrul Azwan Muhamed@Che Harun</i>	131 – 151
DoctorKAYU Bangkit dari Ancaman dengan Menerokai Peluang Perniagaan di Media Sosial <i>Nor Aziah Abd Kadir</i> <i>Azniza Ahmad Zaini</i>	153 – 163
Cabaran dan Kesan Pembelajaran Atas Talian Terhadap Tekanan Emosi di Kalangan Pelajar Kurang Upaya <i>Mohd Aidil Riduan Awang Kader</i>	165 – 187



Kerjaya Penghantar Makanan Pasca Pandemi Covid-19

Zaidatul Nadiah Abu Yazid


Nurul Nadia Abd Aziz

Kerjaya Penghantar Makanan Pasca Pandemik Covid-19

Zaidatul Nadiah Abu Yazid
Nurul Nadia Abd Aziz

Ekonomi Gig

Pandemik Covid-19 yang mula melanda dunia pada penghujung tahun 2019 telah mengaktifkan ekonomi gig (dikenali juga sebagai *Gig Economy*) di Malaysia. “Ekonomi gig” adalah satu sistem pasaran bebas yang memberi kebebasan kepada sesebuah organisasi dan individu untuk menjalani kontrak kerja suka sama suka tanpa perlu mengajikan pekerja sepenuh masa. Bagi membendung penularan wabak Covid-19, kerajaan Malaysia telah melaksanakan beberapa fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang secara perlahan-lahan telah menjejaskan syarikat-syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Banyak syarikat yang gulung tikar dan ada juga syarikat yang terpaksa memberhentikan pekerja untuk mengurangkan kos operasi.



Antara syarikat penyedia perkhidmatan penghantaran makanan di Malaysia

Bagi rakyat Malaysia yang diberhentikan kerja, mereka memerlukan sumber pendapatan alternatif yang baru bagi menampung perbelanjaan keluarga yang sedia ada. Bidang ekonomi gig telah menjadi 'penyelamat' bagi sesetengah rakyat Malaysia yang kehilangan pekerjaan atau penganggur ketika pandemik Covid-19. Antara perkhidmatan yang cukup popular adalah perkhidmatan penghantaran makanan seperti FoodPanda, Grabfood Delivery, Halo Delivery, Lalamove dan QuickSent Services. Syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan penghantaran ini berkembang dengan pesat pada masa kini seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Ini membolehkan pekerja mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup bagi memenuhi keperluan keluarga.



Infografik berkaitan PKP Fasa 1.0 berkaitan penutupan ekonomi secara menyeluruh bagi tempoh 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020. (Sumber: <https://www.kehakiman.gov.my/>)

Kerjaya Pilihan Ramai

Syarikat penyedia perkhidmatan ini membina medium antara pekerja bebas dengan pelanggan menggunakan platform aplikasi teknologi menggunakan telefon pintar. Pekerja bebas ini melakukan kerja penghantaran makanan kepada pelanggan yang membuat tempahan dan bayaran secara atas talian. Penghantar makanan ataupun lebih dikenali sebagai *rider* adalah individu yang bekerja sendiri dan bebas, yang tertumpu kepada skop kerja dan tempoh masa yang ditetapkan dengan bayaran yang dipersetujui.

Sistem pekerjaan ini memberi kebebasan kepada organisasi dan pekerja menjalankan kontrak yang lebih terbuka dan bekerja secara fleksibel tanpa terikat kepada bekerja sepenuh masa dan persekitaran pejabat. Pekerjaan ini menawarkan ciri-ciri yang mudah dan menarik iaitu waktu kerja yang fleksibel, dan peluang untuk meraih pendapatan yang lumayan sekiranya rajin bekerja. Terdapat juga syarikat yang menawarkan gaji pokok dan PERKESO kepada pekerja mereka. Syarat untuk memohon menjadi *rider* juga sangat mudah iaitu individu tersebut mestilah berumur 18 tahun ke atas dan mestilah mempunyai lesen memandu dan cukai jalan. Syarat yang mudah dan manfaat yang banyak ini telah menarik minat ramai tanpa mengira umur dan jantina.



Sekatan pergerakan telah menggalakkan pembelian atas talian yang menjadi nadi perkembangan syarikat-syarikat penghantar makanan sepanjang tempoh PKP

Pasca Pandemi

Pelan Pemulihan Negara (PPN) telah dirangka dan dikawal selia oleh Majlis Pemulihan Negara dengan tema #menangbersama merupakan rancangan dan panduan negara Malaysia untuk keluar dari kemelut pandemik Covid-19 dengan selamat, telah berjaya membawa kita kepada fasa pasca pandemik ini. Pelan ini dirangka dengan berlandaskan pendekatan “*Whole of Nation*” (keseluruhan negara) yang menuntut kerjasama semua pihak, masyarakat dan kerajaan agar kita semua dapat kembali menjalani kehidupan harian yang biasa dengan mengamalkan norma-norma yang baharu dengan teratur dan berkesan. Menurut laporan yang dibentangkan, setakat Julai 2021, kerajaan Malaysia telah membelanjakan RM530 bilion untuk membanteras penularan Covid-19 dan memastikan kelangsungan hidup masyarakat dan secara tidak langsung memastikan agar punca pendapatan mereka dapat dikekalkan.

Pelan Pemulihan Negara secara dasarnya dikategorikan kepada 4 fasa yang terdiri daripada beberapa sekatan dan tahap kelonggaran yang berbeza di setiap fasa. Berikut merupakan ringkasan setiap fasa tersebut:

Fasa 1 – Sekatan masih lagi dilaksanakan hampir kepada semua sektor kecuali beberapa sektor perkhidmatan perlu (*essential*) sahaja, dan kadar jangkitan Covid-19 juga masih tinggi. Manakala program imunisasi juga masih di peringkat awal.

Fasa 2 – Dalam Fasa 2 ini, jumlah sekatan pergerakan adalah sama seperti di Fasa 1 cuma terdapat beberapa kelonggaran kepada beberapa sektor perkhidmatan yang lain dengan syarat mematuhi had kapasiti yang dibenarkan sahaja. Dalam fasa ini juga, kerajaan Malaysia membenarkan sesi pembelajaran di bilik darjah dilaksanakan kepada pelajar yang akan menduduki peperiksaan am. Syarat tambahan yang dikenakan untuk beralih ke Fasa 2 adalah apabila populasi dewasa yang telah divaksin mestilah antara 10% hingga 40%.

Fasa 3 – Dalam fasa ini pula, kesemua sektor telah dibenarkan beroperasi semula mengikut kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) dan mengikut had kapasiti sesuatu tempat. Semua rakyat juga telah dibenarkan untuk melakukan pergerakan

merentas negeri, berhimpun di dalam rumah dan dibenarkan untuk makan di restoran dengan bersyarat. Kerajaan juga akan memastikan seramai 40% hingga 60% populasi dewasa telah menerima vaksin.

Fasa 4 – Kerajaan membenarkan kesemua sektor perkhidmatan dan perniagaan kembali beroperasi dengan mengikuti SOP penjarakan sosial dan had kapasiti yang digariskan. Tiada lagi sekatan pergerakan rentas negeri bersyarat akan dikenakan. Dan yang paling utama, kerajaan perlu memastikan lebih daripada 60% populasi dewasa yang layak telah menerima vaksin lengkap.

Rentetan daripada PPN yang dilaksanakan, Malaysia telah berjaya mengurangkan kadar jangkitan Covid-19 dari semasa ke semasa. Negeri-negeri di Malaysia secara berperingkat, beralih daripada Fasa 1 kepada Fasa 4 dalam tempoh lebih kurang 5 bulan sahaja. Dan yang terkini dan menjadi negeri terakhir yang di isytiharkan beralih ke Fasa 4 adalah Sarawak dan Kelantan yang berkuatkuasa pada 3 Januari 2022. Secara rasminya, Perintah Kawalan Pergerakan Malaysia berakhir pada 3 Januari 2022.

Ini bermakna, rakyat Malaysia telah dibenarkan untuk keluar menjalani kehidupan mereka yang biasa tanpa sebarang sekatan pergerakan. Mereka diberi kebebasan untuk makan di restoran, bekerja, berniaga, menghadapi pembelajaran secara bersemuka di sekolah, membeli-belah, malahan dibenarkan untuk ke luar negara (dengan syarat tertentu). Dan bermula dari 1 April 2022, kerajaan Malaysia telah mengumumkan bahawa negara ini telah beralih ke fasa peralihan endemik, di mana sempadan Malaysia secara rasmi dibuka sepenuhnya. Negara dijangka akan menerima lebih ramai pelancong dari luar negara.


Persoalannya, bagaimanakah nasib pekerja penghantar makanan apabila masyarakat sudah dibenarkan keluar rumah untuk membeli makanan dan keperluan harian yang lain? Ke mana hala tuju mereka apabila fasa pandemik bertukar ke fasa endemik? Bagi mendapatkan jawapan kepada persoalan ini, satu temubual ringkas bersama beberapa orang penghantar makanan telah diadakan bagi mendapatkan realiti sebenar di sebalik kerjaya mereka menjelang fasa peralihan endemik.

Pendapatan terjejas

Secara amnya, seperti yang semua jangkakan, apabila sekatan pergerakan dimansuhkan dan masyarakat mula keluar menjalani kehidupan mereka yang biasa, sudah pasti akan menjejaskan pendapatan penghantar makanan. Jika semasa Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan, hampir kesemua rakyat Malaysia akan menggunakan perkhidmatan penghantar makanan. Disebabkan itu, pendapatan mereka boleh mencapai sehingga ribuan ringgit sebulan, bergantung kepada tahap kerajinan mereka. Selain daripada itu, faktor geografi dan kawasan di mana mereka bekerja, syarikat yang mereka berkhidmat juga akan mempengaruhi jumlah pendapatan yang mereka perolehi.

Sebagai contoh, penghantar makanan yang bekerja di kawasan bandar seperti di Kuala Lumpur, Cheras, Damansara boleh mencipta pendapatan yang jauh lebih tinggi berbanding mereka yang bekerja di kawasan luar bandar. Bagi seorang rakan penghantar makanan yang berpangkalan di Raub, di bawah Syarikat Halo Delivery berkata, pendapatan tertinggi yang pernah beliau perolehi melebihi RM3,000 sebulan. Beliau juga percaya, sekiranya beliau lebih rajin dan melanjutkan waktu bekerja dalam sehari, pendapatan yang akan dicapai juga akan semakin meningkat.

Sementara itu, berbeza pula halnya berdasarkan hasil perkongsian daripada rakan penghantar makanan dari syarikat lain, seperti Grab Food dan FoodPanda. Pendapatan bulanan yang tertinggi pernah dicapai oleh mereka yang berkerja di kawasan bandar semasa awal kemelut pandemik Covid-19 bermula boleh mencapai sebanyak RM9,000 sebulan. Ini kerana permintaan yang meningkat akibat daripada Perintah Kawalan Pergerakan yang dikenakan. Pendapatan mereka juga bertambah hasil daripada tip atau upah tambahan yang diberikan oleh pelanggan melalui aplikasi pesanan makanan mereka.



Pekerjaan penghantar makanan boleh dijadikan sebagai pekerjaan sepenuh masa kerana menjanjikan pendapatan yang lumayan

Namun begitu, semenjak pembukaan semula sektor-sektor perniagaan oleh kerajaan, sedikit sebanyak telah menjejaskan permintaan dan penggunaan khidmat rakan penghantar makanan di Malaysia. Ada di antara mereka yang mengadu pendapatan adalah antara RM1800 ke RM2000 sebulan, iaitu pengurangan hampir 50% berbanding semasa PKP. Walaupun pelanggan perkhidmatan penghantaran makanan berkurangan, namun permintaannya masih tetap ada.

Hala Tuju Kerjaya

Setiap daripada kita mempunyai pelbagai cerita dan kisah berkaitan permulaan kerjaya masing-masing. Ramai yang memulakan sesuatu kerjaya kerana minat, memilih kerjaya berdasarkan pengajian yang diambil semasa di universiti, bertukar kerjaya untuk mencari lebih banyak pengalaman, atau ada juga yang memulakan kerjaya hanya dengan bergantung kepada apa jua rezeki yang ada pada satu-satu masa itu.

Begitu juga kebanyakan rakan penghantar yang ada pada hari ini, mereka juga mempunyai pelbagai kisah suka dan duka semasa memilih untuk bertukar kerjaya dan mencuba nasib dalam kerjaya gig ini. Seperti perkongsian salah seorang responden

kami, penghantar makanan bukanlah kerjayanya yang pertama. Beliau memilih untuk berhenti kerja sebagai mekanik kereta dan mencuba nasib sebagai rakan penghantar secara sepenuh masa. Tambahnya lagi, semasa memulakan kerjaya ini, beliau hanya sekadar suka-suka untuk mencari pengalaman, namun setelah beberapa bulan bekerja, beliau merasakan sangat selesa dan seronok dalam bidang ini. Tambahan pula, pendapatan yang diperolehi juga agak lumayan.



Pengguna juga boleh menggunakan khidmat rider untuk membeli barang keperluan harian

Disebabkan penutupan sempadan negara-negara di dunia selama lebih kurang 2 tahun (semenjak 2020 sehingga 2021) industri perlancongan dan penerbangan antara yang paling terkesan. Dalam satu perkongsian kisah yang lain, seorang juruterbang yang berpengalaman selama 10 tahun, diberhentikan kerja akibat daripada pandemik Covid-19. Menurutny lagi, bukan sedikit pekerja dalam bidang itu yang diberhentikan, tetapi ramai lagi rakan-rakannya yang lain mengalami nasib yang sama. Adalah mustahil untuknya mencari pekerjaan lain dalam bidang yang sama pada masa itu. Setelah menimbangkan pelbagai faktor, beliau akhirnya memilih untuk bekerja sebagai *e-hailing rider*. Salah satu sebab kenapa beliau membuat keputusan begitu adalah kerana beliau memerlukan duit yang segera untuk menyara keluarganya.

Rata-rata perkongsian daripada rakan-rakan penghantar yang ada pada hari ini memilih untuk kekal bekerja dalam bidang ini untuk tempoh yang belum pasti. Namun mereka percaya, sekiranya rezeki masih ada, mereka ingin meneruskan kerja sebagai penghantar makanan. Salah satu keunikan bekerja sebagai rakan penghantar adalah kerana kebebasan yang dinikmati sepanjang masa bekerja tanpa perlu memikirkan arahan daripada majikan dan rakan sekerja. Mereka bebas untuk menentukan masa bekerja, jumlah kerja yang ingin dilaksanakan, kawasan atau tempat kerja mereka, cara mereka bekerja dan pelbagai kelebihan yang lain.

Namun begitu, saban hari kita disajikan dengan berita-berita kurang enak berkaitan penghantar makanan di dada-dada akhbar dan laman sesawang. Ada antara mereka yang terbunuh dalam kemalangan jalan raya, dikejar dan digigit anjing liar dan anjing peliharaan, berhujan dan berpanas, dan dikompaun pihak berkuasa kerana tidak menjaga penjarakan sosial semasa menjalankan tugas. Tidak kurang juga ada *rider* yang dipukul pelanggan kerana pesanan mereka tiba lewat.

Hasil inisiatif rakan penghantar, mereka telah berjaya menubuhkan kesatuan sekerja, Persatuan Penghantar P-Hailing Malaysia (PENGHANTAR) yang ditubuhkan secara rasmi pada Ogos 2020 untuk membela dan memelihara kebajikan penghantar-penghantar *parcel* bermotosikal (termasuk makanan atau barangan) di Malaysia. Semoga dengan penubuhan persatuan ini, dapat melindungi dan menegakkan hak-hak mereka daripada dieksploitasi syarikat-syarikat e-hailing di negara kita.

Jaminan Kerjaya Penghantar Makanan

Meskipun ramai rakyat Malaysia yang berpeluang untuk memulakan kerjaya sebagai penghantar makanan setelah mereka diberhentikan kerja semasa tempoh PKP, namun kerjaya yang tergolong dalam kategori ekonomi gig ini tidak termasuk di bawah definisi pekerja seperti yang dinyatakan di bawah Akta 265, Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76). Ini menyebabkan pekerja dalam bidang ekonomi gig ini tidak tertakluk di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) dan Perintah Gaji Minimum (PGM) 2020.

Menyedari fakta ini, kerajaan Malaysia telah cuba untuk memperbaiki sistem yang sedia ada ke arah yang lebih baik dengan mewujudkan PenjanaGig. Ia merupakan satu program bantuan kerajaan yang berbentuk sumbangan caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) yang memperuntukan RM50 juta geran padanan. Skim ini diwujudkan untuk memberi perlindungan kepada individu yang menjalankan pekerjaan sendiri di bawah peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017. Mulai 1 Januari 2020, perlindungan SKSPS telah diperluaskan kepada 19 sektor pekerjaan sendiri termasuklah sektor pengangkutan barangan dan makanan, penjaja, perniagaan atas talian, agen, perkhidmatan profesional, perkhidmatan sokongan, perkhidmatan isi rumah dan kesenian. Mana-mana individu bekerja sendiri yang mencarum di bawah skim ini akan mendapat faedah perubatan, faedah hilang upaya sementara / kekal, faedah orang tanggungan, faedah pengurusan mayat dan faedah pendidikan.

Selain daripada itu, kerajaan juga memberi fokus ekonomi gig dalam Rancangan Malaysia ke-12 (2021-2025) dengan mengiktiraf ia sebagai sumber ekonomi baru yang akan difokuskan dalam rancangan strategi yang mampan dan inklusif.



Rider juga dianggap sebagai frontliner kerana sumbangan besar mereka dalam membantu mengawal penularan wabak Covid-19

Terima kasih *Rider*

Pandemik Covid-19 menyaksikan ramai rakyat Malaysia yang terjejas dari segi sumber pendapatan mereka. Namun, kita sangat berbangga dengan kekentalan hati para pencari nafkah atau ketua keluarga dalam mencari rezeki yang halal buat keluarga mereka. Hikmah di sebalik pandemik Covid-19 telah membuka lembaran baru bagi ramai orang. Jika dilihat dari sudut positif, ramai juga rakyat Malaysia yang menemui minat, kerjaya dan peluang perniagaan yang baru di sepanjang tempoh pelaksanaan PKP di Malaysia.

Kerjaya sebagai penghantar makanan telah menjadi pilihan ramai kerana kerjaya ini sangat fleksibel dan hanya dikategorikan sebagai pekerjaan skil rendah (*low skill jobs*). Justeru itu, ia boleh dijadikan sebagai pekerjaan tetap mahupun pekerjaan sampingan bagi mereka yang ingin menambah pendapatan sampingan. Apa yang diperlukan hanyalah kerajinan dan kerja keras untuk memperolehi pendapatan yang lumayan dan sekali gus meneruskan kelangsungan hidup dalam era yang serba mahal kini. Pengalaman *rider* yang masih bekerja di syarikat-syarikat penghantaran makanan ini menunjukkan bahawa permintaan atas talian di kalangan pengguna masih wujud menyebabkan kerjaya ini dijangkakan dapat bertahan meskipun kerajaan mengumumkan peralihan dari fasa pandemik ke fasa endemik bermula April 2022.

Rakyat Malaysia sangat berterima kasih kepada semua *rider* yang menjadi *frontliner* sepanjang tempoh pelaksanaan PKP. Sumbangan mereka dalam membantu rakyat mengharungi hari-hari yang sukar semasa tempoh tersebut sangat dihargai.

Rujukan

Azmir Shah (2022) Apa itu Ekonomi Gig? Adakah Malaysia Terkesan? Diakses dari <https://azmirshah.com/apa-itu-ekonomi-gig/>

Berita Harian (2021). Pekerja Ekonomi Gig di Malaysia Tidak Termasuk di bawah Definisi Pekerja. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/11/885007/>

Haikal Rahman. (2021). Ekonomi Gig Sumber Pertumbuhan Ekonomi Baharu. Diakses dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ekonomi-gig-sumber-pertumbuhan-ekonomi-baharu-291394>

Logo Syarikat Food Panda (Sumber: <https://www.brandingnesia.com/food-panda-brand-refresh/>)

Logo Syarikat Grab Food (Sumber: <https://www.grab.com/sg/food/>)

Logo Syarikat Halo Delivery (Sumber: halo.express)

Logo Syarikat QuickSent Services (Sumber: quicksent.asia)

Mariatul Qatiah Zakari. (2021). Ekonomi Gig: Model Ekonomi Terbaharu. Diakses dari <https://dewanekonomi.jendeladbp.my/2021/06/14/ekonomi-gig-model-ekonomi-terbaharu/>

Mohamad Hafiz Yusoff Bakri. (2022). Gig Ekonomi Bukan Lagi Penyelamat. Diakses dari <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/02/gig-ekonomi-bukan-penyelamat/>


Najmi Suhaimi (2021). Rider Foodpanda Kongsi Rahsia Gaji RM10 Ribu. Diakses dari <https://www.ohbulan.com/>

Portal Rasmi Pelan Pemulihan Negara (PPN) / National Recovery Plan (NRP) Official Portal. Diakses dari <https://pelanpemulihannegara.gov.my>

Shuhaniza Said (2019). Skim bayaran baharu Foodpanda: Rider boleh dapat lebih RM3,600 sebulan, ketahui cara kiraannya. Diakses dari <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2019/10/07/food-panda>

Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri. Diakses dari <https://www.perkeso.gov.my/perkhidmatan-kami/perlindungan/skim-keselamatan-sosial.html>

Umi Hamidaton Mohd Soffian Lee. (2022). Ekonomi Gig Jadi Alternatif Rakyat Jana Pendapatan Baharu. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/03/929564/>





PASCA PANDEMIK COVID-19

Adaptasi Kebiasaan Baru

JILID 1

Buku **Pasca Pandemik Covid-19: Adaptasi Kebiasaan Baru**, merangkumi perbincangan isu-isu semasa dalam mendepani pandemik Covid-19. Isu-isu yang dikupas relevan dengan situasi semasa. Para penulis telah menyusun dan membincangkan fakta terkini berkaitan dengan isu-isu pengurusan, kewangan, ekonomi dan juga keusahawanan.

Mengambil kira pelan tindakan dari kerajaan, para penulis mengupas dan membincangkan dengan lebih terperinci dari sudut keberkesanan dan impaknya kepada golongan sasaran. Pelan tindakan dan inisiatif pantas kerajaan kepada hampir keseluruhan golongan amat diterima baik dan dimanfaatkan sepenuhnya.

Namun begitu langkah penambahbaikan dan perancangan jangka masa panjang oleh pihak kerajaan terutamanya, masih perlu diteliti kerana negara kita telah berada dalam fasa endemik Covid-19. Kita semua perlu mengadaptasi kebiasaan baru dan sudah pasti cabaran baru buat rakyat dan negara. Dalam menghadapi kehidupan norma baharu ini, matlamat utama adalah bagi memastikan keharmonian dan kelestarian pembangunan negara.

Hasil penulisan kami di Fakulti Pengurusan Perniagaan ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada pembaca. Selain boleh dijadikan panduan bagi mendepani krisis semasa Covid-19 dan pada masa hadapan.

